

## الرُّؤْيَا مِنَ اللَّهِ وَالْخُلُمُ مِنَ الشَّيْطَانِ

### Mimpi yang baik dari Allah Mimpi buruk dari syaitan [1]

*Oleh Ustaz Abu Nik Abdullah Azzam*

Mimpi itu, banyak yang tidak boleh dipercayai, kecuali apabila orang yang bermimpi itu tidur dengan membaca Ayat Kursi dan mempunyai wudhu' (tidur mengikut sunnah). Jika yang bermimpi adalah anak-kanak kecil yang belum baligh lagi bersih, bolehlah dipertimbangkan untuk diambil kira, sebagai contoh, mimpi yang berulang kali perkara yang sama.

Menurut sunnah, jika kita bermimpi sesuatu yang tidak disukai atau menakutkan, hendaklah melakukan seperti berikut:-



1. Meludah di sebelah kiri sebanyak 3 kali dengan serta merta ketika tersedar dari tidur, [membuat isyarat seperti meludah dengan tidak mengeluarkan air liur, kerana jika benar2 meludah, boleh mengotorkan cadar mahupun terkena ludah kepada suami atau isteri mahupun anak kecil di sebelah].
2. Segera memohon perlindungan kepada Allah تعالى dari gangguan syaitan dan daripada keburukan mimpi itu, sebanyak tiga kali. Sangat bagus jika dapat bangun berwudhuk dan solat tahajjud atau qiyamullail.
3. Hendaklah berpindah tempat tidur dengan isteri atau suami jika katil itu kecil atau boleh juga berpindah ke tempat yang lain. **[Dengan melakukan seperti itu, insyaAllah tiada kemudharatan akan berlaku : إِنَّهَا لَنْ تَضُرَّهُ]**
4. Nabi Muhammad صلى الله عليه وسلم melarang menceritakan tentang mimpi jahat atau buruk kepada orang lain pada keesokan harinya atau pada bila-bila masa ianya berlaku. **[وَلَا يُحَدِّثُ بِهَا أَحَدًا]**

Adapun jika kita bermimpi sesuatu yang disukai, menyeronokkan mahupun menyenangkan, hendaklah kita bersyukur dengan memuji Allah [الحمد لله] atas mimpi tersebut dan tidak perlu menceritakan kepada orang ramai kecuali kepada mereka yang akan suka mendengarnya. **[لَا تُخْبِرُ بِهَا إِلَّا مَنْ تُحِبُّ]**

#### Bibliografi

[1]- Tajuk laman ini adalah asalnya lafaz hadis yang sahih, Makna اللحم didalam hadis ialah mimpi yang menakutkan, mimpi jahat, mimpi buruk atau umpamanya. Lihat [Hadis al-Bukhari, no.6583](#), Hadis [Muslim dlm bab Mimpi no. 2261](#).

[2]- [www.islamweb.net](http://www.islamweb.net)